

21 JUN 1998

MAHATHIR-IPO

PM: 76 SYARIKAT AWAM BERADA DI BAWAH HARGA IPO

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Harga saham sejumlah 76 syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur telah mengalami penurunan di bawah paras tawaran harga permulaan (IPO) mereka akibat daripada kegawatan ekonomi serantau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung UMNO di sini, beliau berkata 16 syarikat mencatatkan kejatuhan harga saham sebanyak 29 peratus di bawah harga IPO.

Harga saham sebanyak 21 syarikat jatuh antara 30 hingga 49 peratus di bawah IPO, 35 syarikat jatuh 50 peratus sehingga 80 peratus di bawah IPO dan empat syarikat jatuh melebihi 80 peratus daripada IPO masing-masing, katanya yang juga presiden UMNO.

Kejatuhan harga-harga saham tempatan memberi peluang pihak asing membeli dan mengamil alih syarikat-syarikat tempatan pada harga jauh lebih murah dari harga terbitan selepas mereka mencetuskan tekanan jualan sebelum ini, kata Dr Mahathir.

Merujuk kepada laporan asing bertajuk "West snaps up Asian business as crisis deepen - US and European firms moves in," beliau berkata syarikat-syarikat asing ini melihat kegawatan ekonomi Asia dan kejatuhan harga sahamnya sebagai satu peluang keemasan.

"Itu sebabnya mereka menekan jatuh nilai-nilai saham kita. Itu tak kira ringgit lagi," tambahnya.

Beliau juga berkata bank-bank asing telah "menunjukkan belang" walaupun mereka belum lagi menguasai sistem perbankan tempatan.

Jika mereka memiliki saham-saham bank Malaysia berikutan kegawatan ekonomi, maka sukarlah bagi usahawan Bumiputera mendapatkan pinjaman melalui garis panduan Dasar Ekonomi Baru (DEB), katanya.

Mereka akan menggunakan alasan diskriminasi bangsa jika pinjaman itu disalurkan kepada usahawan Bumiputera mengikut DEB, tambahnya.

Dr Mahathir mendedahkan terdapat bank asing yang mencatatkan pertumbuhan pinjaman yang negatif ketika ini.

-- BERNAMA

AD MA